Kalendar Piala Dunia 2014

Akhirnya, saat yang dinanti-nantikan telah tiba. Temasya sukan terhebat dunia bermula Jumaat ini, dengan pertemuan antara juara lima kali dan tuan rumah Brazil dengan Croatia di Arena Sao Paolo, Perlawanan itu membuka tirai pertemuan hebat antara 32 gergasi bola sepak dunia yang mencapai kemuncaknya pada 14 Julai nanti. Wartawan **Berita Minggu, Norman Sawi** *membentangkan jadual perlawanan terperinci untuk membantu anda mengikuti pasukan kegemaran anda.*

Pusingan 16

29 Jun 12 tgh mlm
*1A lwn 2B
Belo Horizonte

29 Jun 4 pagi
1C lwn 2D
Rio de Janeiro

1 Julai 12 tgh mlm
1E lwn 2F
Brasilia

1 Julai 4 pagi
1G lwn 2H
Porto Alegre

*Juara Kumpulan A lawan naib juara Kumpulan B

Suku Akhir

5 Julai 4 pagi
lwn
Fortaleza

5 Julai 12 tgh mlm
lwn
Rio de Janeiro

Separuh Akhir

9 Julai 4 pagi
lwn
Belo Horizonte

10 Julai 4 pagi
lwn
Sao Paulo

FINAL

14 Julai 3 pagi
lwn
Rio de Janeiro

13 Julai 4 pagi
lwn
Perlawanan penentuan Tempat ke-3
Brasilia

Suku Akhir

6 Julai 4 pagi
lwn
Salvador de Bahia

6 Julai 12 tgh mlm
lwn
Brasilia

Pusingan 16

30 Jun 12 tgh mlm
1B lwn 2A
Fortaleza

30 Jun 4 pagi
1D lwn 2C
Recife

2 Julai 12 tgh mlm
1F lwn 2E
Sao Paulo

2 Julai 4 pagi
1H lwn 2G
Salvador de Bahia

KUMPULAN A

Brazil	13 Jun	4 pagi	Brazil lwn Croatia	Sao Paulo
Croatia	14 Jun	12 tgh mlm	Mexico lwn Cameroon	Natal
Mexico	18 Jun	3 pagi	Brazil lwn Mexico	Fortazela
Cameroon	19 Jun	4 pagi	Cameroon lwn Croatia	Manaus
	19 Jun	6 pagi	Cameroon lwn Brazil	Brasilia
	24 Jun	4 pagi	Croatia lwn Mexico	Recife

KUMPULAN B

Sepanyol	14 Jun	3 pagi	Sepanyol lawan Belanda	Salvador de Bahia
Belanda	14 Jun	6 pagi	Chile lwn Australia	Cuiaba
Chile	19 Jun	3 pagi	Sepanyol lwn Chile	Rio de Janeiro
Australia	19 Jun	12 tgh mlm	Australia lwn Belanda	Porto Alegre
	24 Jun	12 tgh mlm	Australia lwn Sepanyol	Curitiba
	24 Jun	12 tgh mlm	Belanda lwn Chile	Sao Paulo

KUMPULAN C

Colombia	15 Jun	12 tgh mlm	Colombia lwn Greece	Belo Horizonte
Greece	15 Jun	9 pagi	Ivory Coast lwn Jepun	Recife
Ivory Coast	20 Jun	12 tgh mlm	Colombia lwn Ivory Coast	Brasilia
Jepun	20 Jun	6 pagi	Jepun lwn Greece	Natal
	25 Jun	4 pagi	Jepun lwn Colombia	Cuiaba
	25 Jun	4 pagi	Greece lwn Ivory Coast	Fortaleza

KUMPULAN D

Uruguay	15 Jun	3 pagi	Uruguay lwn Costa Rica	Fortaleza
Costa Rica	15 Jun	6 pagi	England lwn Italy	Manaos
England	20 Jun	3 pagi	Uruguay lwn England	Sao Paulo
Italy	21 Jun	12 tgh mlm	Italy lwn Costa Rica	Recife
	25 Jun	12 tgh mlm	Italy lwn Uruguay	Natal
	25 Jun	12 tgh mlm	Costa Rica lwn England	Belo Horizonte

KUMPULAN E

Switzerland	16 Jun	12 tgh mlm	Switzerland lwn Ecuador	Brasilia
Ecuador	16 Jun	3 pagi	Perancis lwn Honduras	Porte Alegre
Perancis	21 Jun	3 pagi	Switzerland lwn Perancis	Salvador
Honduras	21 Jun	3 pagi	Honduras lwn Ecuador	Curitiba
	26 Jun	4 pagi	Honduras lwn Switzerland	Manaus
	26 Jun	4 pagi	Ecuador lwn Perancis	Rio de Janeiro

KUMPULAN F

Argentina	16 Jun	6 pagi	Argentina lwn Bosnia	Rio de Janeiro
Bosnia	17 Jun	3 pagi	Iran lwn Nigeria	Curitiba
Iran	22 Jun	12 tgh mlm	Argentina lwn Iran	Belo Horizonte
Nigeria	22 Jun	6 pagi	Nigeria lwn Bosnia	Cuiaba
	26 Jun	12 tgh mlm	Nigeria lwn Argentina	Porto Alegre
	26 Jun	12 tgh mlm	Bosnia lwn Iran	Salvador de Bahia

KUMPULAN G

Jerman	17 Jun	12 tgh mlm	Jerman lwn Portugal	Salvador
Portugal	17 Jun	6 pagi	Ghana lwn Amerika S	Natal
Ghana	22 Jun	3 pagi	Jerman lwn Ghana	Fortaleza
Amerika S	23 Jun	6 pagi	Amerika S lwn Portugal	Manaus
	27 Jun	12 tgh mlm	Amerika S lwn Jerman	Recife
	27 Jun	12 tgh mlm	Portugal lwn Ghana	Brasilia

KUMPULAN H

Belgium	18 Jun	12 tgh mlm	Belgium lwn Algeria	Belo Horizonte
Algeria	18 Jun	6 pagi	Russia lwn Korea S	Cuiaba
Russia	23 Jun	12 tgh mlm	Belgium lwn Russia	Rio de Janeiro
Korea S	23 Jun	3 pagi	Korea S lwn Algeria	Porto Alegre
	27 Jun	4 pagi	Korea S lwn Belgium	Sao Paulo
	27 Jun	4 pagi	Algeria lwn Russia	Curitiba

SEMUA TENTANG BRAZIL (Setinggi manakah pengetahuan anda tentang Brazil?)

1) Pele ialah penjaring gol terbanyak di Piala Dunia 1950 dengan lapan gol.
Benar / Tidak Benar

2) Pele ialah penjaring terbanyak dalam sejarah Piala Dunia dengan 12 gol
Benar / Tidak Benar

3) Stadium Maracana di Rio boleh menampung 79,000 penonton - paling banyak dalam sejarahnya.
Benar / Tidak Benar

Pasukan bola sepak Brazil yang memenangi Piala Dunia pada tahun 1970 secara meluas dianggap sebagai pasukan bola sepak terbesar di dunia sebelum ini.

Foto: BRAZIL FEDERATION

4) Brazil diberi penghormatan untuk menyimpan Piala Jules Rimet selepas ia memenangi Piala Dunia untuk kali ketiga dalam 1970.
Benar / Tidak Benar

5) Brazil menjadi tuan rumah Piala Dunia untuk kali kedua tahun ini.
Benar / Tidak Benar

6) Pele berusia 16 tahun apabila beliau menjaringkan gol pertamanya di Piala Dunia 1958 - penjaring gol termuda dalam sejarah Piala Dunia.
Benar / Tidak Benar

7) Rio de Janeiro, yang bakal menjadi tuan rumah final Piala Dunia 2014 mempunyai 3.6 juta penduduk, hampir separuh jumlah penduduk di Singapura.
Benar / Tidak Benar

8) Maskot Piala Dunia 2014 ialah seekor landak bernama Fuleco.
Benar / Tidak Benar

9) Brazil menjuarai Piala Dunia pertama dalam 1930.
Benar / Tidak Benar

10) Brazil satu-satunya negara yang telah menjulang Piala Dunia sebanyak lima kali.
Benar / Tidak Benar

Jawapan

1) Tidak benar. Ademir penjaring terbanyak dengan lapan gol.

2) Tidak benar. Penyerang Brazil Ronaldo ialah penjaring terbanyak dengan 15 gol. Pele berada di kedudukan kelima.

3) Tidak benar. Stadium Maracana yang dibina untuk Piala Dunia 1950 boleh menampung 200,000 penonton.

4) Benar. Piala Dunia yang digunakan sekarang adalah rekaan baru.

5) Benar. Kali pertama ia menganjurkan Piala Dunia ialah dalam 1950.

6) Salah. Pele ialah penjaring gol paling muda dalam sejarah Piala Dunia, tetapi beliau berusia 17 tahun dalam 1958.

7) Tidak benar. Rio de Janeiro mempunyai 6.3 juta penduduk – hampir sejuta lebih ramai berbanding penduduk di Singapura.

8) Tidak benar. Maskot Piala Dunia 2014 ialah armadilo bernama Fuleco yang berasal dari Brazil dan disifatkan sebagai haiwan terancam.

9) Tidak benar. Tuan rumah, Uruguay, memenangi Piala Dunia pertama yang diadakan pada 1930.

10) Benar. Brazil menjadi juara Piala Dunia pada 1958, 1962, 1970, 1994 dan 2002.

MEDAN PERTEMPURAN



KUMPULAN A

BRAZIL
Rekod Piala Dunia: Satu-satunya negara yang telah beraksi di setiap Piala Dunia dan telah memenanginya sebanyak lima kali.

Jurulatih: Luiz Felipe Solari (Brazil)
Bintang harapan: Neymar, 22 tahun (Barcelona)

CROATIA
Rekod Piala Dunia: Tempat ketiga dalam Piala Dunia pertamanya (1998) tetapi gagal mara dari pusingan kumpulan pada 2002 dan 2006.

Jurulatih: Niko Kovac (Croatia)
Bintang harapan: Mario Mandzukic, 28 tahun, (Bayern Munich)

MEXICO
Rekod Piala Dunia: Kali ke-15 muncul di Piala Dunia, di belakang Argentina, Brazil, Jerman dan Italy.
Mara ke suku akhir sebagai tuan rumah pada 1970 dan 1986 tetapi gagal mara dari pusingan kalah mati pertama dalam lima pertandingan lalu.

Jurulatih: Miguel Herrera (Mexico)
Bintang harapan: Javier Hernandz, 25 tahun (Manchester United)

CAMEROON
Rekod Piala Dunia: Telah melayakkan diri ke tujuh Piala Dunia – rekod untuk negara Afrika tetapi hanya menang satu perlawanan dalam empat Piala Dunia sebelum ini. Rekod terbaiknya dicipta dalam 1990, apabila Roger Milla, 38 tahun memimpin Cameroon ke peringkat suku akhir.

Jurulatih: Volker Finke (Jerman)
Bintang harapan: Samuel Eto'o, 33 tahun, (Chelsea)

KUMPULAN B

SEPANYOL
Rekod Piala Dunia: Juara bertahan. Kedudukan terbaik sebelum ini dicapai di Brazil dalam 1950, apabila ia mara ke separuh akhir.

Jurulatih: Vicente Del Bosque (Sepanyol)
Bintang harapan: Sergio Ramos, 28 tahun, (Real Madrid)

BELANDA
Rekod Piala Dunia: Tidak pernah memenangi Piala Dunia tetapi tewas dalam tiga final, termasuk kepada Sepanyol dalam 2010.

Jurulatih: Louis Van Gaal (Belanda)
Bintang harapan: Arjen Robben, 30, (Bayern Munich).

CHILE
Rekod Piala Dunia: Kali ketiga melayakkan diri dalam lapan percubaan. Mara ke separuh akhir dalam 1962, tetapi tewas kepada Brazil.

Jurulatih: Jorge Sampaoli (Chile)
Bintang harapan: Alexis Sanchez, 25 tahun, (Barcelona)

AUSTRALIA
Rekod Piala Dunia: Bakal bermain dalam Piala Dunia yang keempat. Mara ke pusingan kalah mati pertama dalam 2006 tetapi tewas kepada Italy.

Jurulatih: Ange Postecoglou (Greece)
Bintang harapan: Mile Jedinak, 29 tahun, (Crystal Palace)

KUMPULAN C

COLOMBIA
Rekod Piala Dunia: Hanya mara ke pusingan kalah mati sekali (1990) dalam empat percubaan, tetapi tewas kepada Cameroon.

Jurulatih: Jose Pekerman (Argentina)
Bintang harapan: James Rodriguez, 22 tahun (Monaco)

IVORY COAST
Rekod Piala Dunia: Mengalami nasib buruk dalam dua Piala Dunia sebelum ini apabila dikumpulkan dalam 'Kumpulan Maut' – dengan Argentina dan Belanda dalam 2006 dan dengan Brazil dan Portugal dalam 2010.

Jurulatih: Sabri Lamouchi (Perancis)
Bintang harapan: Yaya Toure, 31 tahun (Manchester City)

GREECE
Rekod Piala Dunia: Meraih kemenangan pertama di Piala Dunia empat tahun lalu, apabila ia menewaskan Nigeria tetapi disingkir dari pertandingan setelah tewas kepada Argentina.

Jurulatih: Fernando Santos (Portugal)
Bintang harapan: Konstantinos Mitroglou, 26 tahun, (Fulham)

JEPUN
Rekod Piala Dunia: Telah melayakkan diri ke lima Piala Dunia berturut-turut sejak 1998. Ia mara ke pusingan kalah mati sebanyak dua kali, termasuk semasa menjadi tuan rumah dalam 2002.

Jurulatih: Alberto Zaccheroni, (Italy)
Bintang harapan: Keisuke Honda, 27 tahun (AC Milan)

KUMPULAN D

URUGUAY
Rekod Piala Dunia: Juara Piala Dunia pertama di tempat sendiri dalam 1930. Merampas Piala Dunia daripada tuan rumah Brazil dalam 1950.

Jurulatih: Oscar Tabarez (Uruguay)
Bintang harapan: Luis Suarez, 26 tahun, (Liverpool)

COSTA RICA
Rekod Piala Dunia: Menewaskan Scotland dalam Piala Dunia pertama pada 1990, tetapi disingkir di pusingan kumpulan pada 2002 dan 2006.

Jurulatih: Jorge Luis Pinto (Colombia)
Bintang harapan: Keylor Navas, Levante, Sepanyol

ENGLAND
Rekod Piala Dunia: Sejak menjulan piala dalam 1966, England hanya mara ke separuh akhir sekali – dalam 1990.

Jurulatih: Roy Hodgson (England)
Bintang harapan: Wayne Rooney, 28 tahun, (Manchester United)

ITALY
Rekod Piala Dunia: Negara kedua paling berjaya di Piala Dunia dengan empat kejuaraan (1934, 1938, 1982 dan 2006).
Namun ia gagal memenangi sebarang perlawanan empat tahun lalu.

Jurulatih: Cesare Prandelli (Italy)
Bintang harapan: Mario Balotelli, 23 tahun (AC Mila)

KUMPULAN E

SWITZERLAND
Rekod Piala Dunia: Pernah mara ke peringkat suku akhir sebanyak tiga kali, tetapi tidak pernah mengulangi pencapaian itu sejak menjadi tuan rumah pada 1954. Ia menewaskan Sepanyol 1-0 dalam perlawanan pembukaan empat tahun lalu, tetapi gagal mara ke pusingan seterusnya.

Jurulatih: Ottmar Hitzfeld (Jerman)
Bintang harapan: Granit Xhaka, 21 tahun (Borussia Monchengladbach)

ECUADOR
Rekod Piala Dunia: Mara dari pusingan kumpulan dalam 2006 tetapi tewas kepada England dalam pusingan kalah mati.

Jurulatih: Reinaldo Rueda (Colombia)
Bintang harapan: Antonio Valencia, 28 tahun, (Manchester United)

PERANCIS
Rekod Piala Dunia: Perancis seolah-olah lebih handal di Eropah – ia menjulang Piala Dunia 1998 sebagai tuan rumah dan menjadi naib johan dalam 2006.
Ia hanya mara ke pusingan kalah mati sekali apabila Piala Dunia diadakan di luar Eropah - pada 1986 di Mexico.

Jurulatih: Didier Deschamps (Perancis)
Bintang harapan: Paul Pogba, 21 tahun (Juventus)

HONDURAS
Rekod Piala Dunia: Belum pernah memenangi sebarang perlawanan di dua Piala Dunia (1982, 2010). Namun ia meraih satu mata di Afrika Selatan apabila ia mengikat Switzerland dalam perlawanan kumpulan.

Jurulatih: Luis Fernando Suarez (Colombia)
Bintang harapan: Carlo Costly, 31 tahun (Espana)

KUMPULAN F

ARGENTINA
Rekod Piala Dunia: Pasukan jersi jalur biru putih ini telah dua kali menjuarai Piala Dunia (1978 dan 1986) dan menjadi naib johan sebanyak dua kali juga.

Jurulatih: Alejandro Sabella, (Argentina)
Bintang harapan: Lionel Messi, 26 (Barcelona)

BOSNIA-HERCEGOVINA
Rekod Piala Dunia: Beraksi buat pertama kali di Piala Dunia tahun ini.

Jurulatih: Safet Susic (Yugoslavia)
Bintang harapan: Miralem Pjanic, 24 tahun (AS Roma)

IRAN
Rekod Piala Dunia: Walau muncul dalam tiga pertandingan (1978, 1998 dan 2006), hanya pernah menang satu perlawanan Piala Dunia – dalam 1998, apabila ia menewaskan Amerika Syarikat.

Jurulatih: Carlos Queiroz (Portugal)
Bintang harapan: Reza Ghoochannejhad, 26 tahun (Charlton Atheletic)

NIGERIA
Rekod Piala Dunia: Pasukan Super Eagles mara ke pusingan kalah mati dalam 1994 dan 1998 tetapi gagal di halangan pertama dalam 2002 dan 2010.

Jurulatih: Stephen Keshi (Nigeria)
Bintang harapan: Victor Moses, 23 tahun (Liverpool)

KUMPULAN G

GERMANY
Rekod Piala Dunia: Jerman telah mara ke final tujuh kali dan memenanginya sebanyak tiga kali. Kali terakhir ia menjulang piala ialah dalam 1990.

Jurulatih: Joachim Low (Jerman)
Bintang harapan: Philipp Lahm, 30, (Bayern Munich)

PORTUGAL
Rekod Piala Dunia: Portugal bakal beraksi dalam Piala Dunia yang keenam tahun ini. Ia muncul di tempat ketiga dalam 1966 dan mara ke separuh akhir dalam 2006.

Jurulatih: Paulo Bento (Portugal)
Bintang harapan: Cristiano Ronaldo, 29 tahun (Real Madrid)

GHANA
Rekod Piala Dunia: Ghana dinafikan tempat dalam sejarah sebagai pasukan Afrika pertama mara ke separuh akhir Piala Dunia apabila ia tewas kepada Uruguay dalam keadaan kontroversi empat tahun lalu. Luis Suarez telah menampar bola dengan tangannya dalam petak penalti tetapi Asamoah Gyan gagal memenyempurnakan penalti. Keputusan kekal terikat dan Ghan tewas melalui tendangan penalti.

Jurulatih: James Kwesi Appiah (Ghana)
Bintang harapan: Michael Essien (AC Milan)

AMERIKA SYARIKAT
Rekod Piala Dunia: Amerika akan beraksi dalam Piala Dunia yang ketujuh berturut-turut dan yang kesepuluh dalam sejarahnya.
Keputusan terbaiknya dicapai dalam 1930, apabila ia mencapai tempat ketiga.

Jurulatih: Jurgen Klinsmann (Jerman)
Bintang harapan: Clint Dempsey, 31 tahun (Seattle Sounders)

KUMPULAN H

BELGIUM
Rekod Piala Dunia: Belgium mencapai keputusan terbaik dalam Piala Dunia 1986 apabila ia mara ke peringkat separuh akhir.

Jurulatih: Marc Wilmots (Belgium)
Eden Hazard, 23 tahun (Chelsea)

ALGERIA
Rekod Piala Dunia: Dalam 1982, Algeria menjadi negara Afrika pertama untuk memenangi dua perlawanan tetapi gagal mara dari kumpulan apabila Jerman dan Austria berpakat untuk menjaringkan lebih banyak gol daripadanya.
Algeria tidak memenangi sebarang perlawanan dalam Piala Dunia 1986 dan 2010.

Jurulatih: Vahid Halilhodzic, (Bosnia)
Bintang harapan: Sofiane Feghouli, 24 tahun (Valencia)

RUSSIA
Walau USSR perkasa dalam tahun-tahin 1960-an dan 1970-an, Russia gagal mengulangi pencapaian itu selepas Tembok Berlin runtuh dan tersingkir dari pertandingan di peringkat kumpulan sebanyak tiga kali.

Jurulatih: FABIO CAPELLO
Bintang harapan: Igor Akinfeev, 28 tahun (CSKA Moscow)

KOREA SELATAN
Rekod Piala Dunia: Sejak mara ke separuh akhir Piala Dunia 2002 sebagai tuan rumah, Korea Selatan jarang mengancam,walau ia berjaya mara ke peringkat kalah mati tetapi tewas kepada Uruguay dalam 2010.

Jurulatih: Hong Myung-bo (Korea Selatan)
Bintang harapan: Son Heung-min, 21 tahun, (Bayer Leverkusen)

Grafik: MOHD SAMAD AFANDIE Foto: AFP dan REUTERS